

D618

R B812 DEB
MUSTAPHA - MAHATHIR

KOTA KINABALU, 19 JAN (BERNAMA) -- PRESIDEN USNO TUN DATU HAJI MUSTAPHA DATU HARUN HARI INI BERKATA MALAYSIA PATUT BERBANGGA KERANA MEMPUNYAI SEORANG PEMIMPIN YANG DINAMIK DAN BIJAKSANA SEPERTI PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

BELIAU BERKATA PERDANA MENTERI ITU MERUPAKAN SEORANG PEMIMPIN AGUNG DAN BERTINDAK SECARA ADIL TANPA SEBARANG SIKAP PILIH KASIH.

TUN DATU HAJI MUSTAPHA MEMBERITAHU PEMBERITA DI SINI BAHAWA BUKTI YANG PALING JELAS IALAH KESANGGUPAN DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI TUGAS KEPADA BEKAS TIMBALANNYA DATUK MUSA HITAM MENJALANKAN URUSAN NEGARA BARU-BARU INI.

+INI JELAS MEMBUKTIKAN BELIAU BERTINDAK ADIL, TIDAK PILIH KASIH TETAPI MENGUTAMAKAN PERPADUAN DEMI MEMELIHARA KEPENTINGAN RAKYAT,+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU JUGA BERKATA, MALAYSIA TELAH MENCAPAI BANYAK KEMAJUAN DI BAWAH PENTADBIRAN DATUK SERI DR MAHATHIR, TERMASUK DI BIDANG TEKNOLOGI DAN MENDAPAT PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA SERTA DALAM NEGERI.

KEJAYAAN KERETA PROTON SAGA, PERLETAKAN SENJATA OLEH PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) DAN MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL BARU-BARU INI SUDAH CUKUP MEMBUKTIKAN KEMAMPUAN DATUK SERI DR. MAHATHIR, TAMBAHNYA. -- LAGI.

2043MST 19 01 89

D619

R B813 DEB
MUSTAPHA - MAHATHIR 2 KOTA KINABALU

BELIAU JUGA MEMUJI UCAPAN PERDANA MENTERI KETIKA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG USNO KE-22 SEMALAM YANG DISIFATKANNYA SEBAGAI +BERNAS DAN DINAMIK.+

TUN DATUK HAJI MUSTAPHA BERKATA PUJIAN DAN SOKONGAN YANG DIBERIKAN OLEH PERDANA MENTERI TERHADAP USNO TIDAK BERMAKNA BELIAU (MAHATHIR) BERPIHAK KEPADA PARTI USNO.

MENGENAI KETIADAAN WAKIL DARI KERAJAAN NEGERI ATAU PARTI BERSATU SABAH (PBS) PADA MAJLIS PERASMIAN ITU, BELIAU BERKATA BAHAWA JEMPUTAN TELAH DIHANTAR KEPADA KETUA MENTERI DATUK SERI JOSEPH PAIRIN KITINGAN TETAPI BELIAU TIDAK HADIR.

+KITA TELAH MENGHANTAR JEMPUTAN, JIKA MEREKA TIDAK MAHU HADIR, TERPULANGLAH. JIKA MAHU HANTAR WAKIL DARI CAWANGAN PARTI PUN TIDAK APA, + KATA BELIAU LAGI. -- BERNAMA.

2045MST 19 01 89